# Buletin MDSIK

Laman Web : www.mdsik.gov.my
Email : admin@mdsik.gov.my
Januari | Februari | Mac 2010
BIL 3

## SELAMAT BERTUGAS DI MAJLIS DAERAH SIK



Seluruh kakitangan Majlis Daerah Sik mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada Tuan Yang Dipertua Tuan Haji Mat Noh Bin Ahmad yang telah dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Sik bermula 16 Februari 2010.Semoga kehadiran beliau memberi sinar baru dalam pentadbiran Majlis Daerah Sik.

Sambungan m/s 3 >>

## Menarik Di Dalam



MAJLIS ANGKAT SUMPAH



INFO BURUNG WALET



DESTINASI PELANCONGAN

TASIK BERIS Inn

**UNTUK DISEWA!!**

- Ruang Niaga
- Penginapan

Sambungan m/s 12 >>

*Sekapur Sirih dari*

## Tuan Haji Mat Noh Bin Ahmad, SDK., AMK., BCK., BKM.

*Yang Dipertua Majlis Daerah Sik*



Terlebih dahulu saya merakamkan rasa syukur kehadrat Allah SWT di atas segala limpah dan nikmatNya kepada kita semua. Syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin MDSik dalam menjayakan penerbitannya.

Bagi menjadikan MDS sebagai sebuah PBT yang berwibawa, sumber kewangan adalah sangat penting. Satu daripada sumber kewangan MDS adalah cukai taksiran. Masih terdapat banyak tunggakan cukai taksiran yang belum dijelaskan oleh pembayar cukai. Oleh itu pihak Majlis ingin menyeru agar pembayar cukai dapat menyelesaikan hutang tertunggak mereka dengan segera. Pihak Majlis telah membuat pelbagai program untuk menggalakkan pembayar cukai menjelaskan cukai taksiran mereka.

Akhir sekali diharap Warga MDS mempunyai semangat tinggi dalam menjalankan tugas seiring dengan matlamat/peranan Majlis yang memberi perkhidmatan kepada orang awam. Semoga buletin ini dapat memberikan manfaat dan ilmu serta pengetahuan kepada semua pembaca yang budiman.

Sekian, Terima kasih.

## Sidang REDAKSI


PENAUNG
Tuan Yang Dipertua, Majlis Daerah Sik
Tuan Haji Mat Noh Bin Ahmad, SDK., AMK., BCK., BKM.

PENASIHAT
Setiausaha, Majlis Daerah Sik
En. Abd Aziz Bin Hassan, BCK.

KETUA PENGARANG
Cik Zhafarina Binti Abd Karim

KETUA SIDANG PENGARANG
Pn. Asralina Binti Abd Samat
Pn. Noor Atifah Binti Mohd Makhtar

SIDANG PENGARANG
Cik Kamilah Binti Khalib
Puan Siti Normaizura Binti Makhtar
Puan Munirатul Akmar Binti Mohd Isa
Cik Noor Aliza Binti Yaacob
Cik Murny Darlessa Binti Chik
En Mohd Syazwan Bin Sukardi

JURUFOTO
En. Iqbal Ameer Bin Azmi
En. Azlan Bin Abd Aziz

REKABENTUK GRAFIK
Cik Zhafarina Binti Abd Karim


Kami mengalu-alukan sumbangan artikel, cadangan atau komen. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:


Majlis Daerah Sik,
08200 Sik,
Kedah Darul Aman.
Tel : 04 - 4695 394
Faks : 04 - 4695 448
www.mdsik.gov.my
admin@mdsik.gov.my


## Isi Kandungan


PERLANTIKAN YANG DIPERTUA 03
- Profail Yang Dipertua

PERLANTIKAN AHLI MAJLIS SESI 2010/2011 04
- Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis
- Senarai Ahli Majlis yang dilantik

INFO BURUNG WALET 05
- Info
- Perladangan Burung Walet
- Kadar Bayaran Permohonan Kebenaran Merancang
- Syarat-syarat Am Kawalan Operasi Perusahaan Burung Walet

INFO 06
- Premis MDSik Yang Disewa dan Kadar
- Apa Itu Cukai Taksiran
- Laman Web MDSik
- Emel Korporat Majlis Daerah Sik
- Senarai Emel Pegawai dan Kakitangan

AKTIVITI 08
- Majlis Bubur Asyura
- Majlis Bacaan Yaasin
- Perjumpaan Bersama Yang Dipertua
- Taklimat Kesihatan
- Taklimat Star Rating
- Majlis Penghargaan Ahli Majlis Sesi 2008/2009
- Kursus Pengurusan Strategik

PELBAGAI 10
- Pantun Nasihat
- Mutiara Kata
- Motivasi Diri
- Teka-teki
- Cahaya Mata Kakitangan MDSik

DESTINASI PELANCONGAN 11
- Hutan Lipur Lata Hujan Lebat

PENGINAPAN 12
- Pusat Latihan Keda
- Tasik Beris Inn

# PERLANTIKAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH SIK



Tuan Haji Mat Noh Bin Ahmad telah dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Daerah Sik menggantikan Dato' Haji Adzmi Bin Din pada 16 Februari 2010.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pelbagai jawatan di dalam negeri Kedah.

Beliau meneruskan usaha Dato' Haji Adzmi Bin Din di dalam kempen Bulan Sembahyang iaitu Sembahyang Dhuha setiap minggu terakhir dalam setiap bulan serta Sembahyang Asar setiap hari khamis.

Dalam memantapkan lagi program berkonsepkan Islam di Daerah Sik secara amnya dan di kalangan jabatan kerajaan secara khususnya, beliau membuat penambahan program iaitu Program Kenali dan Hayati Al Quran yang dilaksanakan awal Mac 2010. Program ini bertujuan untuk mewujudkan roh Al-Quran di dalam setiap jiwa penduduk Islam di Daerah Sik. Antara jabatan yang terlibat di dalam perlaksanaan program ini adalah Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan Majlis Daerah Sik. Jabatan ini dikehendaki mengadakan bacaan doa dan diperdengarkan alunan ayat-ayat suci Al-Quran selama 5 minit setiap hari bermula jam 8.00pagi.

Beliau juga menyarankan agar setiap kakitangan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan yang datang untuk berurusan di pejabat. Layanan yang baik dan berbudi bahasa adalah amat penting kerana ia menggambarkan tatasusila yang baik serta menaikkan imej jabatan di mata masyarakat.

# PROFAIL YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH SIK

| | | |
|---|---|---|
| **NAMA** | : | Tuan Haji Mat Noh Bin Ahmad |
| **TARIKH LAHIR** | : | 26 Julai 1955 |
| **TEMPAT LAHIR** | : | Pokok Sena, Kedah |
| **AKADEMIK** | : | - Master Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia<br>- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya |
| **TARIKH DILANTIK** | : | 15 Julai 1981 |
| **PENGALAMAN** | : | - Bertugas di Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah<br>- Penolong Pegawai Daerah Padang Terap<br>- Penolong Pengarah UPEN<br>- Ketua Unit Tindakan Khas (Kewangan)<br>- Pegawai Khas kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah<br>- Setiausaha Majlis Perbandaran Kota Setar<br>- Pentadbir Tanah Kubang Pasu.<br>- Timbalan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)<br>- Pegawai Daerah Bandar Baharu<br>- Pegawai Daerah Padang Terap<br>- Pegawai Daerah Sik |
| **PENCAPAIAN** | : | - Dianugerah Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM).<br>- Dianugerah Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah (BCK).<br>- Dianugerah Ahli Mahkota Kedah (AMK).<br>- Dianugerah Setia DiRaja Kedah (SDK). |

# PERLANTIKAN AHLI MAJLIS SESI 2010/2011

## MAJLIS ANGKAT SUMPAH







**MAJLIS ANGKAT SUMPAH**

AHLI-AHLI MAJLIS
PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BAGI PENGGAL 2010/2011

**Pada Selasa 12 Januari 2010**
**Bertempat di Dewan Seri Negeri,**
**Wisma Darul Aman.**

Majlis Angkat Sumpah oleh Ahli Majlis Sesi 2010/2011 telah disaksikan oleh Pemangku Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis Daerah Sik.

## AHLI-AHLI MAJLIS
## MAJLIS DAERAH SIK SESI 2010/2011

| | |
|---|---|
| YANG DIPERTUA : | TUAN HJ. MAT NOH BIN AHMAD, SDK. ,AMK. ,BCK. ,BKM. |
| SETIAUSAHA : | ENCIK ABD. AZIZ BIN HASSAN, BCK. |
| PENTADBIR TANAH DAERAH : | TUAN HJ. MOHD. ASRI REDHA BIN ABDUL RAHMAN, AMK. , BCK. |
| JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA : | ENCIK KAMARDIN BIN NAYAN |
| JABATAN KERJA RAYA : | ENCIK MOHD. FADHIL BIN DASHAH, BCK. |
| JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN : | ENCIK HIZARUDDIN BIN RAZAK |
| JABATAN KESIHATAN DAERAH SIK : | DR. ISHAK BIN HUSSAIN |
| POLIS DIRAJA MALAYSIA : | DSP ZAIDONG BIN MUSTAFFA, BCK. |
| AHLI MAJLIS : | 1. USTAZ MOHD. ISA BIN SHAFIE, JP. |
| | 2. USTAZ ISMAIL BIN MAHMUD, PJK. |
| | 3. ENCIK ABD. RASHID BIN ABDULLAH |
| | 4. ENCIK BADRUL HISHAM BIN ABDUL RAHMAN |
| | 5. ENCIK HABIB DANIAL BIN HABIB AHMAD, PJK. |
| | 6. PUAN HJH. ROSNANI BIN OMAR |
| | 7. ENCIK ROFEDI BIN SULAIMAN, BKM. |
| | 8. ENCIK MUHAMAD RIDHAN SHAUKANI BIN AZIZAN |
| | 9. ENCIK EI KIAU A/L DIN CHAI |
| | 10. ENCIK AHMAD SUJI BIN CHE NIK, PJK. |

# INFO BURUNG WALET

**INFO :**



Burung Walet atau burung Layang-Layang Gua/ Layang-Layang Sarang Hitam tergolong di dalam Order Apodiformes.

Burung ini mempunyai kaki yang pendek dan tidak berupaya hinggap di mana-mana permukaan kecuali di sarang atau tempat yang disediakan untuk bersarang ( di dalam rumah burung ) atau dipermukaan gua yang sesuai.

Kukunya berupaya mencakam di permukaan tepi gua atau di kayu-kayu yang disediakan khas untuk mereka. Ia berupaya terbang di udara dalam masa yang agak lama. Saiz panjang badannya adalah antara 7.5 cm hingga 13cm.

## PERLADANGAN BURUNG WALET

Penualan sarang burung Walet dari gua-gua secara komersil telah dijalankan sejak lebih 100 tahun dahulu di Malaysia. Hasil penualan pertama adalah dari Gua Niah, Sarawak pada tahun 1878. Sejak sedekad kebelakangan ini, pengusaha telah meneroka halaman baru dalam penualan burung Walet serta bersifat mesra alam berbanding cara tradisi.

Spesis dan bilangan burung Walet telah banyak berkembang dan berhijrah dari gua ke desa dan bermastautin di bandar. Semenjak itu, industri burung Walet ini semakin berkembang.

Sarang burung Walet adalah sarang burung yang paling digemari. Ia terkenal oleh kepercayaan terhadap khasiatnya kepada kesihatan manusia. Sarang burung Walet bernilai tinggi dan mudah untuk diproses.

Tualan berjuta-juta ringgit dihasilkan setiap tahun di Malaysia daripada beberapa buah premis penternakan burung Walet.

## KADAR BAYARAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Berasaskan Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1995 (Tarikh Warta : 13 Mac 1997)

PEMBANGUNAN BARU

| KATEGORI | KADAR BAYARAN |
|---|---|
| (1)<br>Untuk mendirikan bangunan. | RM 4.00 bagi setiap 100 kaki persegi atau sebahagian darinya. |
| (2)<br>Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah. | RM 100.00 satu permohonan. |

PENGGUNAAN BANGUNAN SEDIA ADA

| KATEGORI | KADAR BAYARAN |
|---|---|
| (3)<br>Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan. | RM 100.00 satu permohonan untuk bangunan kekal.<br>RM 30.00 satu permohonan untuk bangunan sementara / separa kekal. |
| (4)<br>Untuk menjalankan tambahan / pindaan ke atas sesuatu bangunan.<br>(b) Untuk tujuan kediaman:<br>(i) Untuk tambahan / pindaan yang melibatkan tambahan kepada ruang lantai bangunan. | RM 4.00 bagi setiap tambahan 100 kaki persegi atau sebahagian darinya. |
| (ii) Untuk tambahan / pindaan yang tidak melibatkan tambahan kepada ruang lantai bangunan. | RM 20.00 satu permohonan. |

## SYARAT-SYARAT AM DAN KAWALAN OPERASI PERUSAHAAN BURUNG WALET

Semua pengusaha sarang burung walet di daerah ini diminta mematuhi Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) demi menjaga keselesaan penduduk yang tinggal berhampiran dengan premis memelihara burung berkenaan.

- Bangunan kediaman sepenuhnya adalah tidak dibenarkan.
- Tingkat bawah tidak dibenarkan digunakan untuk perusahaan ini melainkan kebenaran khas diberikan dari Majlis (dibenarkan bagi bangunan yang terbiar pada suatu tempoh masa tertentu sahaja).
- Facade bangunan hendaklah harmoni dengan persekitaran.
- Sebarang pengubahsuaian dalam bangunan yang melibatkan struktur perlu ada pengesahan dari Jurutera perunding atas kekukuhan struktur. Bagi bangunan yang ada penambahan.
- Corong pembesar suara hendaklah dipasang mengadap langit pada sudut sekurang-kurangnya 60 darjah dari dasar lantai.
- Dari segi kegunaan bangunan, ianya hendaklah dari jenis komersil
- Permohonan perlu disertakan dengan sijil kehadiran kursus yang diiktiraf oleh yang akan ditetapkan dari masa kesemasa.

# RUANG NIAGA MAJLIS DAERAH SIK

| RUANG NIAGA | LOKASI | RUANG YANG DITAWARKAN (Unit) | KADAR |
|---|---|---|---|
| Gerai Melor | Pekan Sik | 10 | RM 50.00 |
| Arked Kekwa | Pekan Sik | 13 | RM 100.00 - RM 120.00 |
| Kemboja | Pekan Sik | 4 | RM 140.00 |
| Kenanga | Pekan Sik | 4 | RM 120.00 |
| Ixora | Batu Lima | 10 | RM 50.00 - RM60.00 |
| Melati | Pekan Sik | 8 | RM 100,250,300,350,500 |
| Kiambang | Pekan Sik | 11 | RM 1500 - RM2100.00 |
| Delima | Pekan Sik | 21 | RM 80 - RM 350.00 |
| Anggerik | Pekan Sik | 8 | RM 200 - RM 300.00 |
| Mawar | Pekan Sik | 16 | RM 100 - RM 120.00 |
| Gerai Cempaka | Kuala Begia | 4 | RM 50.00 |
| Gerai Stesyen Bas Sik | Pekan Sik | 1 | RM 30.00 |
| Kaunter Seri Mutiara | Pekan Sik | 1 | RM 150.00 |
| Dahlia | Padang Awam,Sik | 5 | RM 80.00 |
| Pasar Tanjung | Pekan Sik | 39 | RM 50.00 |
| Pasar Telukis | Batu Lima | 25 | RM 20.00 |
| Bengkel IKS | Kawasan Perindustrian Sik | 16 | RM 600 - RM 800.00 |
| Medan Selera Semarak | Pekan Sik | 10 | RM 60.00 |
| Gerai Seroja Rimba Taqwa | Rimba Taqwa Sik | 5 | RM 50.00 |

## APA ITU CUKAI TAKSIRAN ?

Cukai Taksiran atau cukai pintu dikuatkuasakan mengikut peruntukan Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ia adalah cukai yang dikenakan ke atas harta tanah yang terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Sik meliputi harta-harta berikut:

**KEDIAMAN**
Rumah teres, rumah berkembar, rumah sesebuah, rumah bandar, rumah pangsa, pangsapuri, apartment, kondominium, rumah kedai dan sebagainya.

**PERNIAGAAN**
Kedai, rumah kedai/pejabat, kompleks membeli-belah, pawagam, pejabat, hotel, stesen minyak, pusat rekreasi dan sebagainya.

**PERINDUSTRIAAN**
Kilang teres, kilang berkembar dan kilang sebuah.

## BILAKAH IANYA PATUT DIBAYAR ?

Bil-bil ini hendaklah dijelaskan sebelum 28/29hb Februari bagi cukai 1/2 tahun pertama (Jan-Jun) dan sebelum 31hb Ogos bagi cukai 1/2 tahun kedua (Julai-Disember).

Jika bayaran tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan itu, Majlis boleh mengenakan bayaran denda lewat sebanyak RM2.00 selepas 28/29hb Februari dan 31hb Ogos tiap-tiap tahun.

## APA YANG PERLU DILAKUKAN JIKA BIL TIDAK DITERIMA ?

Anda boleh datang ke Kaunter Hasil di Majlis Daerah Sik dengan membawa salinan bil Cukai Taksiran yang terdahulu atau nombor akaun bil Cukai Taksiran untuk mendapatkan cetakan bil yang terkini. Sekiranya anda tidak ingat nombor akaun bil tersebut, sila bawa bersama butir-butir harta bagi membolehkan semakan dibuat.

## KADAR YANG TELAH DITETAPKAN

| | |
|---|---|
| KEDIAMAN | = 4% daripada nilaian bangunan |
| PERNIAGAAN | = 5% daripada nilaian bangunan |
| PERINDUSTRIAN | = 8% daripada nilaian bangunan |

# Laman Web MDSIK





Laman Web Majlis Daerah Sik telah dianugerahkan 3 bintang bagi tahun 2009. Pengguna boleh melayari laman web rasmi Majlis Daerah Sik di www.mdsik.gov.my untuk keterangan lanjut.

# EMEL KORPORAT MAJLIS DAERAH SIK

Emel korporat Majlis Daerah Sik berasaskan "webmail" diwujudkan pada 1 Februari 2010. Emel korporat ini adalah bertujuan untuk penyaluran maklumat dan aduan antara jabatan luar, orang ramai dan bahagian/unit dalaman MDS. Emel korporat ini diakses melalui Portal Majlis Daerah Sik di www.mdsik.gov.my.

## SENARAI EMEL PEGAWAI DAN STAF MAJLIS DAERAH SIK

**YANG DIPERTUA**

Hj. Mat Noh Bin Ahmad, SDK., AMK., BCK., BKM.
- matnoh@mdsik.gov.my

**SETIAUSAHA**

Abd. Aziz Bin Hassan, BCK.
- azizh@mdsik.gov.my

**Bahagian Pentadbiran & Perhubungan Awam**

| | |
|---|---|
| Mazulika Binti Mahmud | - mazulika@mdsik.gov.my |
| Ismail Bin Othman | - ismail@mdsik.gov.my |
| Md. Suhaimi Bin Murad | - mdsuhaimi@mdsik.gov.my |
| Saudah Binti Osman | - saudah@mdsik.gov.my |
| Mohd Fadli Bin Abd. Rahman | - fadli@mdsik.gov.my |
| Sik Inn, Melor Inn, Beris Inn | - mdsresort@mdsik.gov.my |

**Bahagian Kesihatan Awam, Kebersihan, Perlesenan & Landskap**

| | |
|---|---|
| Rosli Bin Mansor | - rosli@mdsik.gov.my |
| Muniratul Akmar Binti Mohd Isa | - munira@mdsik.gov.my |

**Bahagian Perbendaharaan**

| | |
|---|---|
| Rosheta Binti Ahmad | - rosheta@mdsik.gov.my |
| Noor Aliza Binti Yaacob | - aliza@mdsik.gov.my |
| Norafida Binti Ab. Hamid | - norafida@mdsik.gov.my |

**Bahagian Perancangan**

| | |
|---|---|
| Asralina Binti Abdul Samat | - asralina@mdsik.gov.my |
| Mohd. Nazim Bin Othman | - nazim@mdsik.gov.my |
| Zhafarina Binti Abd. Karim | - zhafarina@mdsik.gov.my |
| Kamilah Binti Khalib | - kamilah@mdsik.gov.my |

**Bahagian Undang-Undang**

| | |
|---|---|
| Adibah Binti Ismail | - adibah@mdsik.gov.my |
| Murny Darlessa Binti Chik | - darlessa@mdsik.gov.my |

**Bahagian Teknologi Maklumat**

| | |
|---|---|
| Noor Atifah Bt Mohd Makhtar | - atifah@mdsik.gov.my |

**Bahagian Kejuruteraan dan Bangunan**

| | |
|---|---|
| Noor Izyanti Binti Aliyas | - izyanti@mdsik.gov.my |
| Shamsani Bin Shamsuddin | - shamsani@mdsik.gov.my |
| Mohd. Amirul Husni Bin Mohamad Asri | - amirul@mdsik.gov.my |

**Bahagian Penilaian & Pengurusan Harta**

| | |
|---|---|
| Azmi Bin Rashid | - azmi@mdsik.gov.my |
| Kamarulzaman B. Mohd Hassan | - kamarulzaman@mdsik.gov.my |

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

| | |
|---|---|
| Norain Binti Mahmud | - norain@mdsik.gov.my |
| Siti Normaizura Binti Mokhtar | - maizura@mdsik.gov.my |

**Bahagian Penguatkuasaan**

| | |
|---|---|
| Zulkifli Bin Osman | - zulkifli@mdsik.gov.my |
| Che Aman Bin Ibrahim | - cheaman@mdsik.gov.my |
| Mohd. Nazur Bin Abd. Hamid | - nazur@mdsik.gov.my |
| Abd. Hadi Bin Ismail | - abdhadi@mdsik.gov.my |
| Mohd Syazwan Bin Sukardy | - syazwan@mdsik.gov.my |
| Muhamad Shahroni Bin Hussain | - shahroni@mdsik.gov.my |
| Suhaimy Bin Abu Hassan | - suhaimy@mdsik.gov.my |

**Urusetia OSC**

| | |
|---|---|
| Azlina Binti Saad | - azlina@mdsik.gov.my |
| Mohammad Hazril Bin Shuib | - hazril@mdsik.gov.my |
| Azlan Bin Abd. Aziz | - azlan@mdsik.gov.my |

## MAJLIS BUBUR ASYURA








Majlis bubur asyura telah diadakan pada 14 Januari 2010 bertempat di Perkarangan Majlis Daerah Sik. Program ini diadakan bersempena sambutan awal Muharam 1431H. Program ini dilihat sebagai satu langkah dalam mengeratkan hubungan silaturrahim antara staf-staf MDSik.

## MAJLIS BACAAN YAASIN





Bacaan Yaasin telah diadakan di Dewan Wawasan Gemilang sempena menyambut ulangtahun Hari Keputeraan Sultan Negeri Kedah Yang Ke 82.

## PERJUMPAAN BERSAMA YANG DIPERTUA





Perjumpaan Pertama Bersama Yang Dipertua telah diadakan pada 23 Februari 2010 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Sik.

## TAKLIMAT KESIHATAN






Kempen pencegahan dan kesedaran kanser servik telah di adakan di bilik mesyuarat MDSik pada 25 Februari 2010 jam 2.30 petang. Kempen ini bertujuan memberi kesedaran berkenaan penyakit berbahaya yang menjadi pembunuh utama di dunia terutamanya golongan wanita.

## TAKLIMAT STAR RATING





Taklimat Star Rating telah di adakan pada 18 Mac 2010 bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Sik dan di pengerusikan oleh Tuan Haji Mat Noh Bin Ahmad. Yang Dipertua menetapkan perancangan strategik yang perlu dipatuhi oleh setiap jabatan di MDSik bagi memastikan MDSik berjaya mencapai matlamat sasaran 3 bintang.

## MAJLIS PENGHARGAAN AHLI MAJLIS SESI 2008/2009





Yang Dipertua menyampaikan cenderahati sebagai kenang-kenangan kepada ahli majlis bagi menghargai segala jasa sepanjang berkhidmat di MDSik.

## KURSUS PENGURUSAN STRATEGIK





Pada 25 Mac 2010 semua pegawai setiap bahagian di MDSik telah menghadiri Kursus Pengurusan Strategik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah Darul Aman yang bertempat di Regency Hotel.

## PANTUN NASIHAT

*Masuk hutan pakai sepatu,*
*Takut kena gigitan pacat,*
*Kalau kita selalu bersatu,*
*Apa kerja mudah dibuat.*

*Buah cempedak bentuknya bujur,*
*Sangat disukai oleh semua,*
*Jika kita bersikap jujur,*
*Hidup kita dipandang mulia.*

*Jikalau tuan mengangkat padi,*
*Tolong masukkan segala barang,*
*Jikalau anak-anak bersatu hati,*
*Kerja yang susah menjadi senang.*

*Rumah belayan ke Teluk Batang,*
*Sambil mencuba tahukkan pukat,*
*Bulat air kerana pembetung,*
*Bulat manusia kerana muafakat.*

*Tingkap papan kayu bersegi,*
*Sampan sakat di Pulau Angsa,*
*Indah tampan kerana budi,*
*Tinggi darjat kerana bahasa.*

## MUTIARA KATA

"Orang yang cemerlang melihat setiap halangan sebagai peluang untuk mengasah potensi, manakala orang yang tidak cemerlang menganggap setiap halangan sebagai alasan yang menyebabkan kemundurannya"

## MOTIVASI DIRI

**MENDISIPLINKAN DIRI MERUPAKAN CARA BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMATUHI UNDANG-UNDANG/PERATURAN-PERATURAN DUNIA ATAU PUN AKHIRAT.**

## TEKA - TEKI



*Lampu apa yang kalau dipecahkan keluar orangnya?*

Jawapan : Lampu jiran tetangga kita.Cubalah pecahkan,nanti akan keluar orangnya.

Cahaya Mata Kakitangan MDSik

## BABY GIRL



Naqiyatul Humairah nama di beri, dilahirkan pada 20 Februari 2010.

Merupakan cahaya mata ketiga bagi pasangan Pn. Muniratul Akmar Binti Mohd Isa dan En. Mohd Fuad Bin Said.



# HUTAN LIPUR LATA HUJAN LEBAT






## DESTINASI PELANCONGAN



Hutan Lipur Lata Hujan Lebat terletak hampir 30km dari Pekan Sik dan mudah dihubungi melalui Jalan Sik-Gulau serta melalui Kg. Melaka dan Kg. Landai. Keistimewaan hutan lipur ini adalah keindahan rangkaian air terjun dan kolam takungan yang mengalir melalui sungai di kawasan berhampiran.



Kawasan hutan lipur ini amat sesuai untuk aktiviti riadah seperti berkelah, mandi-manda dan aktiviti lasak seperti mendaki gunung dan menjejak denai hutan.



# PUSAT LATIHAN KEDA








Jalan Perangin,Rimba Taqwa,08200 Sik. | Tel : 04 - 4622309 / 04 - 4620305

UNTUK DISEWA!!

TASIK BERIS INN

" Keindahan Alam Bermula Di Sini "







MENYEDIAKAN KEMUDAHAN

- Ruangniaga
- Penginapan
  - Bilik 1 katil
  - Bilik 1 katil bertingkat





## TASIK BERIS INN

Kepada individu / syarikat yang berminat, sila hantar proposal kepada Majlis Daerah Sik.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi 04 - 4695394.